



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

MAMPU.600-9/10/2 ()

8 November 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ORGANISASI (PSO) DAN
PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) DI KEMENTERIAN,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (SUK) DAN AGENSI
SEKTOR AWAM**

Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Kertas Makluman Bil. (3) - 3/2021: Status Pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021 - 2025 telah dibentangkan oleh MAMPU dalam Mesyuarat MyDigital Kluster Kerajaan Bil. 3 Tahun 2021 pada 21 September 2021. PSPSA 2021 - 2025 merupakan panduan kepada agensi Sektor Awam bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

3. Untuk makluman juga, Mesyuarat telah memutuskan agar semua Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021. Selain itu, semua Agensi Sektor Awam juga perlu mengambil saranan ini dengan membangunkan PSP di peringkat agensi masing-masing.

4. Sebelum PSP dibangunkan, setiap Kementerian dan Agensi Sektor Awam perlu terlebih dahulu membangunkan Pelan Strategik Organisasi (PSO) masing-masing. PSO merupakan komponen terpenting dalam usaha agensi sektor awam merangka dan merancang dasar, menentukan program dan tindakan bagi mencapai matlamat organisasi dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian agenda perkhidmatan awam dan negara. Bagi memastikan PSO juga menyokong agenda pendigitalan, strategi dan program-program yang disenaraikan di dalam pelan tindakan PSO, perlu mengambil kira agenda pendigitalan tersebut.

5. PSO juga merupakan salah satu kriteria yang dinilai di dalam *Malaysian Government Performance Index* (MyGPI). Selaras dengan itu, MAMPU telah mengeluarkan Surat Arahan Ketua Pengarah (SAKP) MAMPU Bil. 2/2021 mengenai Panduan Pembangunan Pelan Strategik Organisasi Sektor Awam (PSOSA) pada 17 September 2021, bertujuan meningkatkan keupayaan organisasi bagi membangunkan PSO secara sistematik, boleh dipantau pelaksanaan dan prestasinya dalam tempoh yang ditetapkan.

6. Selaras dengan keputusan ini, semua Kementerian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Agensi Sektor Awam perlu mengambil saranan dengan melaksanakan dua (2) perkara seperti berikut:

- i. Membangunkan PSO dan PSP di peringkat Kementerian dan Agensi Sektor Awam selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021; dan
- ii. Menyerahkan sesalinan PSO dan PSP Kementerian dan SUK kepada MAMPU bagi tujuan pemantauan.

7. Saya berharap agar perkara di para 6 dapat diberikan keutamaan dan tindakan susulan perlu diambil untuk memastikan PSO dan PSP dibangunkan oleh Kementerian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Agensi Sektor Awam.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)